

16 produk plum, prun diharamkan

KUALA LUMPUR - Kerajaan semalam mengharamkan 16 jenama produk buah kering yang diimport dari China, Taiwan dan beberapa negara Asia kerana mengandungi logam plumbum melebihi paras yang dibenarkan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, produk buah kering antaranya plum dan prun itu mengandungi paras plumbum yang agak tinggi iaitu antara 0.11 dan 30.3 bahagian sejuta (ppm) atau miligram (mg)/kilogram (kg).

Beliau berkata, paras plumbum yang ditetapkan di negara ini ialah dua bahagian sejuta ppm atau mg/kg di bawah Peraturan 38 Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan jika kandungan logam melebihi paras tersebut, tindakan undang-undang akan dikenakan.

"Mana-mana pihak yang terlibat, jika disabit kesalahan di bawah Seksyen 13(1), Akta Makanan 1983 boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali," katanya selepas meras-

Info produk import

16 jenama produk buah kering import dari China yang diharamkan

- The Original Chinese Candy
- Dried Plums with Pickle and Lemon
- Saladitos Con Pepino Y Limon
- Saladitos 6 Count
- Saladitos Salted Prunes
- Saladitos Chinese Candy
- Its Fruit Chinese Style Dried Prune
- Salted Plum Suckers
- Salados Salted dried plums
- 7 Salted Plums
- Preserved Liqueuriced Prune
- Preserved Plums: Preserved Salted Prunes
- Preserved Plums: Preserved Red Prunes
- Preserved Fruit Pitted Prunes
- Chan Pui Mui Preserved Plum
- Ka Po Preserved Plum

Kesan kepada kesihatan

- Gangguan kepada sistem saraf.
- Menjejaskan perkembangan otak terutama kepada kanak-kanak.

mikan Persidangan Pengurusan Kementerian Kesihatan 2009 di sini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai laporan US Food and Drug Administration (USFDA) menerusi laman webnya <http://www.fda.gov>



ANTARA produk buah plum dan prun yang diimport dari China yang terdapat di pasaran ketika ini. - Gambar hiasan

yang bertajuk *Consumers Warned Not to Eat Certain Imported Dried Plums* pada Khamis lalu.

Menurut beliau, produk berkenaan ialah The Original Chinese Candy, Dried Plums with Pickle and

Lemon, Saladitos Con Pepino Y Limon, Saladitos 6 Count, Saladitos Salted Prunes, Saladitos Chinese Candy, Its Fruit Chinese Style Dried Prune dan Salted Plum Suckers.

Produk lain adalah Salados Salted

dried plums, 7 Salted Plums, Preserved Liqueuriced Prune, Preserved Plums: Preserved Salted Prunes, Preserved Plums: Preserved Red Prunes, Preserved Fruit Pitted Prunes, Chan Pui Mui Preserved Plum dan Ka Po Preserved Plum.

Tiong Lai berkata, Kementerian akan terus memantau untuk memastikan produk berkenaan tidak terdapat dalam pasaran tempatan.

Katanya, Kementerian akan meneruskan pemantauan di pintu masuk dengan meletakkan pemeriksaan Tahan Lima (Tahan, Uji dan Lepas) dalam Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FOSIM) untuk semua produk itu.

Plumbum adalah bahan cemar dalam makanan yang boleh mendatangkan masalah kepada kesihatan manusia dalam jangka masa panjang akibat daripada pengumpulan bahan cemar dalam badan.

Beliau berkata, kesan yang mungkin berlaku adalah gangguan kepada sistem saraf dan perkembangan otak terutamanya di kalangan kanak-kanak.